

Hubungan antara Penguatkuasaan Undang-undang Rasuah dan Keagamaan dengan Pendedahan Maklumat dalam Kalangan Anggota Beruniform

NUR FARHANA ZAINI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
farhana.zaini94@gmail.com

NOOR RAUDHIAH ABU BAKAR
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
raudhiah@kuis.edu.my

ABSTRAK

“Whistleblowing” atau “pendedahan maklumat” boleh didefinisikan sebagai pendedahan oleh individu pekerja terhadap amalan atau kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti bertindak membanteras jenayah rasuah dan salah laku lain yang menyalahi undang-undang. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dan faktor keagamaan terhadap pendedahan maklumat dalam kalangan anggota beruniform. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan data dikumpulkan melalui tinjauan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis regresi. Seramai 80 orang anggota beruniform yang dipilih secara rawak sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan tahap penguatkuasaan undang-undang rasuah rendah dan faktor keagamaan sederhana tinggi dalam kalangan responden kajian manakala tahap kerelaan responden untuk memberikan maklumat tentang kegiatan jenayah rasuah adalah sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa responden kajian masih keberatan untuk melakukan pendedahan maklumat. Hasil kajian juga mendapat terdapat hubungan positif yang signifikan di antara faktor keagamaan dengan pendedahan maklumat dalam kalangan anggota beruniform. Ini menunjukkan bahawa nilai keagamaan yang tinggi akan meningkatkan pendedahan maklumat Sebaliknya, bertentangan dengan jangkaan kajian, hasil kajian mendapat terdapatnya hubungan negatif yang signifikan di antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dengan pendedahan maklumat. Ini menunjukkan semakin tinggi penguatkuasaan undang-undang rasuah, semakin rendah pendedahan maklumat. Ini berkemungkinan pekerja bersikap melindungi rakan sekerja mereka serta takut diri mereka disisih oleh rakan-rakan pekerja lain jadi mereka memilih untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat. Pendedahan tentang kepentingan pendedahan maklumat adalah sangat penting bagi mengurangkan tanggapan negatif dan seterusnya meningkatkan pendedahan maklumat dalam kalangan pekerja. Faktor keagamaan juga penting untuk diketengahkan bagi meningkatkan pendedahan maklumat dan seterusnya dapat mengurangkan masalah jenayah rasuah dalam kalangan anggota beruniform.

Kata Kunci: *Penguatkuasaan Undang-undang Rasuah, Keagamaan, Pendedahan Maklumat, Anggota Beruniform*

PENDAHULUAN

Liputan meluas berita semasa mengenai agenda ataupun skandal rasuah yang semakin berleluasa di kalangan anggota-anggota tentera, badan beruniform, penjawat awam dan syarikat-syarikat korporat gergasi negara telah mencetuskan idea atau kepentingan latihan dan pengajaran nilai agama agar ianya dapat menyelesaikan permasalahan yang tidak sihat tersebut.

Ahmad Khusairi Yahaya (2010) mendefinisikan rasuah sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah, diskaun.

Berdasarkan kepada kes gejala rasuah di kalangan anggota tentera dan anggota polis di negara kita pula, gejala ini memang sangat berleluasa justeru kerajaan pada masa kini telah mengambil inisiatif untuk membendung permasalahan tersebut dengan memperkuatkuasakan rang undang-undang dan peranan pihak BPR untuk mencegah masalah ini daripada semakin berleluasa. Namun pendedahan maklumat oleh anggota yang membuat laporan tentang kesalahan membanteras jenayah rasuah dalam kalangan anggota beruniform di lihat berkurang dan mereka hanya melihat tanpa bertindak. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji hubungan antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dengan pendedahan maklumat. Seterusnya, kajian ini juga menjangkakan penguatkuasaan undang-undang rasuah dapat meningkatkan pendedahan maklumat.

Pernyataan ini adalah berdasarkan temu bual tidak formal dengan beberapa orang anggota beruniform.. Mereka menyatakan, terdapat banyak kes rasuah berlaku di dalam unit kem tentera darat itu sendiri, tetapi kes ini belum sampai kepada pihak atasan dan mereka takut untuk mengadu kepada pegawai atasan. Selain itu juga, terdapat satu isu yang dikeluarkan oleh utusan melayu iaitu menurut Utusan Melayu (M), pada tahun 2017, SPRM telah menahan tiga anggota tentera yang dipercayai terlibat dalam kegiatan rasuah membabitkan projek yang diperoleh melalui Wisma Angkatan Tentera. Kesemua mereka dalam tahanan reman selama enam hari mengikut seksyen 23 Akta SPRM 2009. SPRM juga berkata, mereka menerima banyak aduan berhubung perkara tersebut khususnya anggota tentera darat yang menggunakan kemudahan disediakan di kem tersebut.

Selain itu, faktor keagamaan juga sering dikaitkan dengan tindakan sukarela. Kajian ini juga ingin mengkaji hubungan di antara faktor keagamaan dengan pendedahan maklumat kerana faktor keagamaan juga memainkan peranan yang sangat penting dalam aktiviti untuk mendedahkan sebarang maklumat individu.

Oleh itu kajian ini ingin mengetengahkan dua faktor yang dijangka dapat meningkatkan pendedahan maklumat iaitu penguatkuasaan undang-undang dan keagamaan. Ini membawa kepada objektif kajian ini iaitu mengkaji hubungan di antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dan faktor keagamaan terhadap pendedahan maklumat dalam kalangan anggota beruniform.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai definisi pendedahan maklumat yang telah diberikan dalam kajian yang lepas. Pendedahan maklumat didefinisikan secara umumnya oleh Anwar (2003) sebagai individu yang bertanggungjawab atau mata-mata subvertif yang mempunyai keberanian untuk memberi maklumat. “pemberi maklumat” ertinya mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 (Undang-undang,2010).

Maria (1995) mentakrifkan pendedahan maklumat atau ‘pemberi maklumat’ sebagai warganegara yang ambil peduli dan cakna, sama ada didorong oleh kepentingan awam atau melakukannya dengan kehendaknya sendiri, Pendedahan terbuka tentang salah laku yang ketara akan dialambil tindakan dalam peranan pekerjaan tertentu, terhadap seseorang atau organisasi yang berkebolehan untuk menyiasat aduan dan memudahkan pembetulan salah laku.

Pemberitahuan maklumat juga boleh didefinisikan sebagai pembebasan sukarela maklumat, sebagai protes moral, oleh anggota organisasi mengenai kelakuan yang tidak sah atau tidak bermoral dalam organisasi yang menentang kepentingan awam (Chiu, 2011). Pendedahan maklumat adalah tindakan menarik perhatian orang ramai, atau perhatian seorang yang berkuasa, untuk menganggap salah laku dan aktiviti tidak beretika dalam organisasi awam, swasta atau sektor ketiga. Rasuah, penipuan, buli, pelanggaran kesihatan dan keselamatan, penutupan dan diskriminasi adalah aktiviti umum yang diketengahkan oleh pemberi maklumat.

Kajian ini menggunakan pakai definisi oleh Elias (2008) iaitu pendedahan maklumat berlaku apabila seorang pekerja mengetahui salah laku yang dilakukan oleh pekerja lain dan kemudian melaporkan kesalahan tersebut kepada pihak atasannya kerana definisi ini jelas dan sesuai dengan situasi permasalahan kajian ini.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat banyak kajian tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pendedahan maklumat. Dengan mengkaji tentang faktor yang membawa kepada pendedahan maklumat dapat mengurangkan kesan buruk dan mencegah daripada tindakan salah laku.

Berdasarkan kajian Ayop bin Megat Arifin & Halim Ahmad (2016) yang mengkaji berkenaan dengan faktor persepsi sama ada amalan pendedahan maklumat mempengaruhi persepsi terhadap peningkatan integriti atau tidak. Hasil kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan positif antara persepsi pendedahan maklumat dengan integriti. Ini menunjukkan semakin tinggi pendedahan maklumat semakin tinggi integriti.

Faktor pengalaman juga memainkan peranan. Kebanyakan kajian lepas juga menunjukkan bahawa mereka yang lebih tua dan lebih berpengalaman mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk melakukan pendedahan maklumat. Ini kerana mereka lebih berpengalaman, lebih komited kepada organisasi (Merdiyawati & Prastiwi, 2012). Selain itu, kajian yang dibuat oleh Norziah, Ameera, & Raudhiah (2018) mendapat terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara etika dan keagamaan terhadap pendedahan maklumat. Ini menunjukkan semakin tinggi etika atau keagamaan maka semakin tinggi pendedahan maklumat. Oleh itu etika dan agama mampu mencegah tindakan salah laku daripada berleluasa.

Berdasarkan kajian Shawver (2011) yang mengkaji tentang andaian yang berkaitan dengan norma subjektif, sikap, dan anggapan tentang kawalan tingkah laku yang mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap niat para pelajar dalam mendedahkan maklumat. Bahkan kekuatan moral juga mampu mempengaruhi niat moral dalam melaporkan tindakan pihak pengurusan.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pendedahan maklumat. Antaranya ialah faktor pengalaman Merdiyawati & Prastiwi (2012), faktor persepsi terhadap peningkatan integriti Megat Ayop & Abd. Halim (2016) faktor berkaitan dengan norma subjektif, sikap, dan anggapan tentang kawalan tingkah laku Shawver (2011), dan faktor etika dan keagamaan terhadap pendedahan maklumat (Norziah, Ameera, & Raudhiah, 2018).

Secara kesimpulan, berikut hasil kajian-kajian lepas, faktor dalam individu lebih mempengaruhi tindakan pendedahan maklumat ini. Kajian ini menjangkakan bahawa faktor penguatkuasaan undang-undang rasuah dan faktor keagamaan dapat mempengaruhi pendedahan maklumat.

Penguatkuasaan Undang-undang rasuah dan Pendedahan maklumat

Di Malaysia, institusi penguatkuasaan yang sering menjadi tumpuan masyarakat bagi melihat tahap keberkesanan serta ketelusan kerajaan ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM). Hal ini kerana, PDRM yang diletakkan secara langsung di bawah pentadbiran kerajaan persekutuan membentuk gambaran bahawa PDRM dan kerajaan merupakan satu entiti yang sama. Rentetan dari ini, setiap tindakan yang diambil oleh PDRM ditanggapi oleh masyarakat sebagai tindakan kerajaan.

Kajian yang dilakukan oleh Kamarudin bin Arim (2004) melihat pertalian di antara pembangunan dan rasuah di dalam aktiviti pembangunan di Malaysia. Di samping menjelaskan sejauh manakah ketelusan yang dipraktikkan oleh Badan Pencegah Rasuah dan badan kehakiman dalam usaha menangani masalah rasuah. Hasil kajian beliau mendapati bahawa Badan Pencegah Rasuah masih dipengaruhi oleh golongan politik dalam membuat keputusan dan ada responden yang mencadangkan supaya badan ini tidak diletak di bawah parlimen, tetapi dijadikan badan khas yang berkecuali. (Shawver, 2011).

Faktor penguatkuasaan undang-undang yang lemah juga merupakan faktor yang menyebabkan kadar jenayah rasuah, maksiat dan gejala sosial dalam masyarakat berlaku secara berleluasa dan semakin meningkat dari hari ke hari. Menurut Zubaidah (2008), walaupun undang-undang mengharamkannya tetapi dari segi pengawasan dan perlaksanaan undang-undang dilihat masih sangat lemah. Penguatkuasaan undang-undang ini adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk melaksanakannya kerana hal ini adalah merupakan salah satu cara untuk membanteras sarang-sarang maksiat yang merupakan punca segala penyakit sosial dan perlanggaran syariat agama masa kini.

Ahmad Khusairi Yahaya (2010) telah menyatakan bahawa masyarakat tidak perlu gentar untuk membantu membanteras kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat yang diberikan dan *pendedahan maklumat* (pemberi maklumat) adalah dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan. Ahmad Khusairi Yahaya (2010) juga ada menyatakan *pendedahan maklumat* (pemberi maklumat) adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009. Manakala, *pendedahan maklumat* (pemberi maklumat) boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan bagi *pendedahan maklumat* (pemberi maklumat) yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

Undang-undang (2010) ada menyatakan bahawa pendedahan maklumat (pemberi maklumat) hendaklah dimaklumkan dan tiada tindakan lanjut dan jika ada kesalahan salah laku rasuah, agensi penguatkuasaan hendaklah mengemukakan kepada jabatan yang berkenaan atau majikan tempat orang yang diadukan itu laporan hasil siasatan dan syor yang dibuat, dan jika suatu kesalahan jenayah didapati telah dilakukan, laporan dan syor ke atas siasatan itu hendaklah dikemukakan kepada pendakwa raya untuk diputuskan sama ada untuk mendakwa atau tidak.

Tiada banyak kajian yang maklumat. Namun kajian ini menjangkakan semakin tinggi penguatkuasaan undang-undang maka semakin tinggi pendedahan maklumat. Ini membawa kepada hipotesis berikut:mengkaji hubungan antara penguatkuasaan undang-undang dan pendedahan

H1: Terdapat hubungan positif di antara penguatkuasaan undang-undang dan pendedahan maklumat.

Selain penguatkuasaan undang-undang, faktor lain yang dijangka mempengaruhi pendedahan maklumat ialah keagamaan. Bahagian berikut membincangkan faktor keagamaan dan pendedahan maklumat.

Keagamaan dan Pendedahan Maklumat

Faktor keagamaan adalah penting kerana ia memberi kesan kepada kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan yang positif yang akhirnya akan mengubah ekonomi dan gaya hidup individu dalam jangka panjang.

Lewis (1978) mendefinisikan keagamaan adalah iman, kepercayaan, kebenaran, kesetiaan, dan kesucian yang diharapkan oleh individu dalam mazhab agama. Manakala Othman dan Hariri (2012) mengkonseptualisasikan bahawa keagamaan mempengaruhi niat pendedahan maklumat yang dilakukan. Terdapat banyak kajian lain yang menghubungkan keagamaan dengan tingkah laku manusia seperti penyalahgunaan dadah seperti Chu & Sung (2009) dan Neale, Myers, Hettema, Kendler, & Prescott, (2005) . Hal ini turut dibuktikan oleh kajian Wallace, Brown, Bachman, & LaViest (2003) sebelum ini menyatakan bahawa individu yang digambarkan sebagai beragama berkemungkinan mendekati kepercayaan agama tertentu dan juga mempraktikkannya sebagai asas harian.

Faktor keagamaan penting dalam membentuk seseorang individu dan juga dalam sesebuah organisasi itu sendiri. Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Rashidi Bujai & Azmil Hashim (2015) mengenai sumbangan aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di Insitut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) dalam menjana kekuatan tempur anggota tentera (Spiritual Combat Power). Aktiviti keagamaan merupakan salah satu elemen pendidikan yang digunakan di ILMI yang diadaptasi daripada Tarbiyyah Askariyyah Khalid Shantut (2003). Kajian beliau berbentuk tinjauan untuk mencari maklumat tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) pendidikan Islam ILMI dalam membentuk keperibadian dan rohani anggota sepanjang kursus dilaksanakan. Hasil kajian beliau mendapati pelaksanaan faktor dan aktiviti keagamaan dapat memberi sumbangan kepada penghayatan kerohanian.

Terdapat beberapa kajian oleh Ellison et.al (1989) dan Ellison (1991) yang telah mengkaji hubungan antara komitmen kepada agama dan tahap kepuasan hidup individu. Ellison (1991) contohnya telah mengkaji sekumpulan kecil masyarakat di Amerika Syarikat (US) di mana beliau mengkaji tingkah laku individu yang terlibat secara langsung dalam organisasi keagamaan, kekerapan kehadiran ke tempat sembahyang (gereja), tahap kepercayaan terhadap agama dan sebagainya. Hasil kajian beliau mendapati penglibatan dalam organisasi keagamaan dan tahap kepercayaan agama yang tinggi akan meningkatkan tahap kepuasan kualiti hidup mereka. Kajian ini juga merumuskan aspek keagamaan yang penting adalah aspek penyertaan seseorang dalam kegiatan agama yang akan memberi kesan positif terhadap kepuasan hidup.

Kajian oleh Schieman et al (2003) pula berlainan sedikit pendapat dengan Ellison et al (1989) di mana kajian beliau menekankan aspek kemahiran dan pengetahuan (mastery). Beliau berpendapat nilai keagamaan dalam diri individu akan mengawal kehidupan mereka, berusaha bersungguh-sungguh mencapai cita-cita tanpa menyalahkan nasib semata-mata. Inilah kemahiran yang dapat dipupuk kesan daripada penghayatan nilai keagamaan. Malah ramai ahli psikologi bersetuju kemahiran individu akibat nilai keagamaan yang dianuti tidak akan mengikis kehidupan malah ia sebenarnya dapat mengawal tekanan hidup yang akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup. Kajian ini juga bersetuju kepentingan aspek keagamaan dan kesannya kepada aspek kesihatan mental individu yang akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup individu tersebut.

Sebaliknya, pakar dalam bidang keagamaan menyatakan bahawa kurangnya penghayatan dan pengetahuan agama dalam kalangan generasi muda dan belia juga merupakan faktor utama menyebabkan statistik yang berkaitan dengan masalah sosial meningkat terutama hal yang berkaitan dengan aktiviti salah laku rasuah (Zulkifli, 2004). Namun terdapat juga kajian lain juga mencadangkan bahawa status keagamaan dan status pekerjaan tidak ada hubungan atau memberi kesan negatif kepada pendedahan maklumat (Goldman, 2007; Sachs, 2011) . Kesimpulan dari penemuan kajian lepas sama ada keadaan

beragama dan status pekerjaan memberi kesan kearah pendedahan maklumat adalah bermasalah terutama dalam persekitaran di mana orang ramai sangat beragama tetapi pendedahan maklumat dilihat sebagai sesuatu tindakan yang ditakuti.

Hasil Martin & Martin (2011) menunjukkan tiada korelasi yang signifikan didapati di antara tahap keagamaan dengan pendedahan maklumat dan kemungkinan disebabkan oleh masalah perkauman, ini mencerminkan kekurangan hubungan antara kedua-dua konstruk. Dapatkan kajian ini juga turut disokong Othman dan Hariri (2012) yang juga menemui hubungan yang tidak signifikan antara keagamaan dan niat untuk pendedahan maklumat. Bertentangan dengan kajian lain juga turut mencadangkan bahawa individu yang beragama berkelakuan mengikut nilai-nilai yang ada dalam agama tersebut dan tidak akan menampakkan sebarang tingkah laku yang tidak berperikemanusiaan, maka kemungkinan untuk melakukan pendedahan maklumat ketika menghadapi situasi yang tidak bermoral sangat tinggi (Yusoff, 2012).

Tambahan pula dengan kajian yang dibuat oleh Keenan (2000) yang menegaskan bahawa aktiviti pendedahan maklumat mempunyai hubungan positif dengan faktor keagamaan dan beliau menjelaskan dengan keyakinan agama mereka akan memberi maklumat dalam penipuan yang kurang serius kerana nilai-nilai agama akan membentuk tingkah laku individu dalam mana-mana masyarakat.

Terdapat percanggahan dari segi arah hubungan antara keagamaan dan pendedahan maklumat dalam kajian lepas. Namun selaras dengan Keenan (2000), Yusoff (2012) dan Hashim (2015), kajian ini menjangkakan semakin tinggi keagamaan maka semakin tinggi pendedahan maklumat. Ini membawa kepada hipotesis berikut:

H2: Terdapat hubungan positif di antara keagamaan dan pendedahan maklumat.

Bahagian berikut membincangkan metodologi kajian.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan borang soal selidik dalam kutipan data. Kajian ini dijalankan di sebuah unit badan penguatkuasa, Bentong, Pahang. Terdapat lima bahagian dalam unit tersebut. Kajian ini cuma mengambil satu bahagian sahaja sebagai populasi. Dalam satu bahagian terdapat lima Jabatan. Saiz populasi terdiri daripada 97 orang anggota.

Dengan menggunakan jadual penentuan saiz sampel oleh (Krejcie & Morgan, 1970), populasi seramai 97 orang yang telah ditentukan, maka responden adalah seramai 80 set borang soal selidik. Borang yang telah diedarkan sebanyak 80 borang dan jumlah yang diterima semula adalah sebanyak 80 borang (100%). Kesemua borang yang diterima boleh digunakan untuk dianalisa. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah secara rawak mudah.

HASIL KAJIAN EMPIRIKAL

Hasil kajian empirikal dibahagikan kepada profil responden, analisis kebolehpercayaan, analisis deskriptif dan analisis korelasi.

Demografi Responden

Demografi responden dibentuk untuk melihat ciri-ciri responden dalam kajian ini. Ciri-ciri responden perlu dikenalpasti untuk memberikan maklumat latar belakang responden. Jadual 1 menunjukkan demografi responden :

Jadual 4.2 : Demografi Responden

	Ciri Responden	Jumlah	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	80	100%
	Perempuan	0	0%
Umur Kemasukan	18 hingga 25 Tahun	75	93.8%
	26 hingga 30 Tahun	5	6.3%
	31 hingga 35 Tahun	0	0%
	36 Tahun dan keatas	0	0%
Status	Bujang	35	43.8%
	Berkahwin	45	56.3%
	Duda	0	0%
	Janda	0	0%
Pangkat	1	0	0%
	2	15	18.8%
	3	56	70.0%
	4	7	8.8%
	Lain-lain	2	2.5%
Tahap Pendidikan	SRP/PMR/PT3	1	1.3%
	SPM	79	98.8%
	Diploma/ STPM	0	0%
	Ijazah Sarjana Muda	0	0%
	Ijazah	0	0%
Tahun Perkhidmatan	Bawah 5 Tahun	1	1.3%
	6 hingga 10 Tahun	27	33.8%
	11 hingga 15 Tahun	36	45.0%
	16 hingga 20 Tahun	16	20.0%
	21 Tahun dan keatas	0	0%

Jadual 1 menunjukkan keseluruhan responden adalah lelaki iaitu sebanyak 100 peratus iaitu seramai 80 orang. Ternyata, dari segi jantina menunjukkan badan penguatkuasa dari unit ini keseluruhannya telah dimonopoli oleh lelaki.

Dalam kajian ini, umur kemasukan responden yang memasuki bahagian ini ditentukan melalui 4 bahagian iaitu bahagian pertama berada dalam linkungan 18 hingga 25 tahun adalah seramai 75 responden (93.8%). Di bahagian kedua pula terdiri dalam kalangan umur 26 hingga 30 tahun dengan peratusan 6.3% iaitu bersamaan 5 responden sahaja dan tiada responden daripada linkungan umur di bahagian ketiga dan keempat iaitu dalam linkungan umur 31 hingga 35 tahun dan 36 tahun dan keatas (0%). Ini menunjukkan kebanyakkan responden yang memasuki tentera darat ini dimonopoli oleh mereka yang berada dalam linkungan umur 18 hingga 25 tahun.

Jadual 1 juga memaparkan status responden dalam kajian ini. Analisis daripada jadual 4.2 mendapat terdapat seramai 35 responden (43.8%) yang masih bujang. Manakala responden yang berbaki seramai 45 orang responden telah berkahwin bersamaan dengan peratusan sebanyak 56.3% dan tiada responden untuk status duda dan janda (0%).

Dapatkan analisis untuk perbezaan pangkat responden dalam kajian ini menunjukkan seramai 15 responden (18.8%) berpangkat 2, manakala 56 responden bersamaan 70.0% berpangkat 3, pangkat 4 seramai 7 responden bersamaan 8.8% dan lain-lain sebanyak 2.5% bersamaan 2 responden.

Dapatkan analisis menunjukkan kebanyakkan responden adalah berpendidikan SPM iaitu seramai 79 responden (98.8%) dan 1 (1.3%) merupakan responden lulusan SRP/PMR/PT3. Manakala tida responden untuk lulusan diploma, ijazah sarjana muda, ijazah dan lain-lain.

Dari segi tahun perkhidmatan pula, majoriti responden kajian telah bekerja melebihi 11 hingga 15 tahun iaitu berjumlah 36 (45.0%). Sejumlah 27 (33.8%) telah bekerja 6 hingga 10 tahun, manakala 16 (20.0%) telah bekerja melebihi 16 hingga 20 tahun dan 1 (1.3%) telah bekerja kurang dari lima tahun.

Ujian Kebolehpercayaan Data

Analisis ujian kebolehpercayaan data adalah bertujuan untuk memastikan kebolehpercayaan sesuatu instrument kajian yang dikaji. Ujian kebolehpercayaan data dinilai dari segi konsistensinya. Soal selidik boleh dipercayai jika jawapan responden terhadap soal selidik adalah konsisten dan boleh dilihat dengan melihat nilai *cronbach alpha* bagi setiap pembolehubah. Jadual dibawah menunjukkan hasil ujian kebolehpercayaan data.

Jadual 2: Analisis ujian kebolehpercayaan data

Pembolehubah	Bilangan Item	Cronbach Alpha
Penguatkuasaan Undang-undang	4	0.665
Rasuah	4	0.707
Faktor Keagamaan	4	0.774

Jadual 2 menunjukkan nilai *cronbach alpha* bagi kesemua pembolehubah. Berdasarkan hasil analisis ujian kebolehpercayaan, instrumen pengukuran bagi pembolehubah tidak bersandar penguatkuasaan undang-undang rasuah hanya tinggal 4 item sahaja dan bagi keempat-empat item tersebut menunjukkan nilai *cronbach alpha* adalah 0.665. Manakala bagi pembolehubah

tidak bersandar seterusnya iaitu faktor keagamaan juga hanya tinggal 4 item sahaja daripada 7 item dan hasil kajian kebolehpercayaan mendapati nilai cronbach alpha bagi pembolehubah faktor keagamaan adalah 0.707.

Sementara itu, bagi pembolehubah bersandar pula iaitu pendedahan maklumat item yang perlu digugurkan adalah sebanyak 3 daripada 7 item dengan nilai cronbach alpha adalah 0.774. Hasil nilai cronbach alpha bagi setiap pembolehubah yang diterima adalah 0.5 keatas dan ini menunjukkan bahawa semua pembolehubah boleh dipercayai dan konsisten.

Analisis Deskriptif Pembolehubah

Analisis deskriptif digunakan untuk melihat taburan nilai purata (min) bagi setiap pembolehubah. Nilai purata ini akan menerangkan tentang kecenderungan setiap pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar (Mohd Najib, 2003). Kajian ini akan menerangkan tentang pembolehubah bersandar dan tidak bersandar iaitu penguatkuasaan undang-undang rasuah, faktor keagamaan dan pendedahan maklumat sama ada berada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. Dapatan bagi nilai purata setiap pembolehubah diterangkan dalam jadual di bawah:

Jadual 3: Analisis Deskriptif Pembolehubah Kajian

	Minima	Maksima	Nilai Purata (min)	Sisihan Piawaian
Penguatkuasaan Undang-undang Rasuah	1.75	3.50	2.38	0.40
Faktor Keagamaan	2.75	4.75	3.65	0.36
Pendedahan maklumat	2.00	3.75	3.13	0.51

Berdasarkan hasil analisis borang soal selidik yang telah diedarkan menunjukkan nilai minima bagi pembolehubah bersandar iaitu pendedahan maklumat adalah 2.00 dan nilai maksima adalah 3.75. Manakala nilai purata berada di tahap sederhana dengan nilai purata sebanyak 3.13 menunjukkan purata pendedahan maklumat yang dilakukan adalah sederhana dalam kalangan responden kajian. Hal ini juga mungkin disebabkan oleh kurangnya kerelaan responden terhadap pendedahan maklumat.

Sementara itu, bagi nilai purata kepada pembolehubah tidak bersandar penguatkuasaan undang-undang rasuah pula adalah di tahap rendah dengan nilai sebanyak 2.38 menunjukkan secara purata penguatkuasaan undang-undang rasuah responden kajian adalah sederhana namun paling rendah antara ketiga-tiga pembolehubah dengan nilai minima adalah 1.75 dan nilai maksima sebanyak 3.50.

Manakala bagi pembolehubah tidak bersandar faktor keagamaan menunjukkan nilai minima adalah 2.75 dan nilai maksima adalah 4.75 dengan nilai purata sebanyak 3.65 dan menunjukkan secara purata faktor keagamaan berada pada tahap sederhana namun faktor ini adalah yang tertinggi puratanya.

Analisis Korelasi

Kajian analisis korelasi *Pearson* telah digunakan sebagai kaedah penganalisisan data. Ujian korelasi telah digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti hubungan setiap pembolehubah. Ujian ini telah dilaksanakan bagi mengenalpasti kekuatan hubungan bagi setiap pembolehubah samada kukuh ataupun tidak. Korelasi *Pearson* digunakan oleh pengkaji untuk menganalisa hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah pendedahan maklumat. Manakala pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini adalah penguatkuasaan undang-undang rasuah dan faktor keagamaan.

Jadual 4: Jadual Korelasi Pearson Pembolehubah Bersandar dan Pembolehubah Tidak Bersandar

		Pendedahan maklumat	Penguatkuasaan Undang-undang Rasuah	Faktor Keagamaan
Pendedahan maklumat	Pearson Correlation	1	-.633 **	.371 **
	Sig. (2-tailed)		.000	.001
	N	80	80	80
Penguatkuasaan Undang-undang Rasuah	Pearson Correlation	-.633 **	1	-.331 **
	Sig. (2-tailed)	.000		.003
	N	80	80	80
Faktor Keagamaan	Pearson Correlation	.371 **	-.331 **	1
	Sig. (2-tailed)	.001	.003	
	N	80	80	80

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Kajian ini menjangkakan semakin tinggi penguatkuasaan undang-undang rasuah, semakin tinggi pendedahan maklumat iaitu:

H1: Terdapat hubungan positif di antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dengan pendedahan maklumat.

Hasil kajian menunjukkan jadual 4 terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dan pendedahan maklumat dan berada pada tahap yang tinggi iaitu -0.633 dengan nilai signifikan $p = 0.01$. Hal ini bertentangan dengan jangkaan hipotesis yang menjangkakan hubungan positif di antara keduanya, jadi H1 tidak disokong. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa semakin tinggi penguatkuasaan undang-undang rasuah, semakin rendah pendedahan maklumat dan sebaliknya. Hasil kajian ini juga bertentangan dengan kenyataan Ahmad Khusairi Yahaya (2010) yang telah menyatakan bahawa masyarakat tidak perlu gentar untuk membantu membanteras kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat yang diberikan dan pendedahan maklumat (pemberi maklumat) adalah dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa juar keadaan.

Kajian ini juga menjangkakan semakin tinggi faktor keagamaan, semakin tinggi pendedahan maklumat.

H2: Terdapat hubungan positif di antara faktor keagamaan dengan pendedahan maklumat.

Jadual 4 juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara faktor keagamaan dan pendedahan maklumat dan berada pada tahap rendah sederhana iaitu 0.371 dengan nilai signifikan $p = 0.01$. Oleh itu, H2 disokong dengan jangkaan hipotesis yang menjangkakan hubungan positif di antara keduanya. Hasil kajian ini sama dengan hasil kajian Keenan (2000) yang menegaskan bahawa terdapat hubungan positif di antara faktor keagamaan dan pendedahan maklumat.

Ringkasan Hipotesis

Jadual 5: Ringkasan Hipotesis Analisis Data

Hipotesis	Keputusan
H1: Terdapat hubungan positif di antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dengan pendedahan maklumat.	Negatif dan signifikan. H1 tidak disokong
H2: Terdapat hubungan positif di antara faktor keagamaan dengan pendedahan maklumat.	Positif dan signifikan. H2 disokong

KESIMPULAN

Analisis Nilai Purata

Melalui hasil analisis nilai purata dalam kajian ini menunjukkan bahawa bacaan keseluruhan nilai purata bagi pembolehubah bersandar iaitu pendedahan maklumat mempunyai nilai purata yang sederhana iaitu 3.13. Sementara itu, bagi pembolehubah tidak bersandar penguatkuasaan undang-undang rasuah adalah 2.38 manakala pembolehubah tidak bersandar faktor keagamaan adalah 3.65 dan masing-masing berada pada tahap rendah dan sederhana.

Tahap rendah penguatkuasaan undang-undang adalah sama dengan hasil kajian Zubaidah (2008) yang menyatakan faktor penguatkuasaan undang-undang yang lemah juga merupakan faktor yang menyebabkan kadar jenayah rasuah, maksiat dan gejala sosial dalam masyarakat berlaku secara berleluasa dan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Walaupun undang-undang mengharamkannya tetapi dari segi pengawasan dan perlaksanaan undang-undang dilihat masih sangat lemah. Penguatkuasaan undang-undang ini adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk melaksanakannya kerana hal ini adalah merupakan salah satu cara untuk membanteras sarang-sarang maksiat yang merupakan punca segala penyakit sosial dan perlanggaran syariat agama masa kini. Pendedahan terhadap akta perlindungan pemberian maklumat perlu diperketatkan lagi agar masyarakat tidak takut untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berlaku disekeliling mereka. Jika akta perlindungan pemberian maklumat didedahkan kepada masyarakat, nescaya gejala rasuah dan salah laku lain dapat dibendung dengan selamat. Ahmad Khusairi Yahaya (2010) juga ada menyatakan pendedahan maklumat (pemberi maklumat) adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009.

Analisis Korelasi Pearson

Bagi perbincangan analisis korelasi *Pearson* ini, pengkaji mendapati bahawa terdapatnya hubungan negatif dan positif yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. H1 tidak disokong dan H2 disokong dimana terdapatnya hubungan negatif yang signifikan di antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dengan pendedahan maklumat dan hubungan positif yang signifikan di antara faktor keagamaan dengan pendedahan maklumat dalam kalangan responden kajian.

H1 tidak disokong iaitu terdapat hubungan negatif yang signifikan antara penguatkuasaan undang-undang rasuah dengan pendedahan maklumat dalam kalangan badan penguatkuasa. Hasil kajian ini dilihat selari dengan hasil kajian Mohamad Fauzi (2001) yang juga mendapati bahawa pegawai awam mempunyai tanggapan yang negatif terhadap amalan pendedahan maklumat dan penguatkuasaan undang-undang rasuah. Hasil kajian ini juga bertentangan dengan kenyataan Ahmad Khusairi Yahaya (2010) telah menyatakan bahawa masyarakat tidak perlu gentar untuk membantu membanteras kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat yang diberikan dan pendedahan maklumat (pemberi maklumat) adalah dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan. Ahmad Khusairi Yahaya (2010) juga ada menyatakan pendedahan maklumat (pemberi maklumat) adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009. Manakala, pendedahan maklumat (pemberi maklumat) boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan bagi pendedahan maklumat (pemberi maklumat) yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

Hasil kajian ini bertentangan dengan jangkaan kajian. Hasil kajian menunjukkan semakin tinggi penguatkuasaan undang-undang rasuah, semakin rendah pendedahan maklumat, maka mereka tidak memilih untuk melakukan pendedahan maklumat. Ini boleh dijelaskan hubungan yang rapat dan semangat setia kawan dan menjaga satu sama lain menyebabkan mereka tidak sanggup mengadu tentang keburukan kawan mereka.

Bagi hipotesis kedua pula menunjukkan H2 disokong iaitu terdapat hubungan positif yang signifikan di antara faktor keagamaan dengan *pendedahan maklumat* dalam kalangan badan penguatkuasa. Menurut hasil kajian Keenan (2000) yang menegaskan bahawa terdapat hubungan positif di antara faktor keagamaan dengan pendedahan maklumat. Namun begitu, hasil kajian Keenan (2000) menegaskan bahawa aktiviti pendedahan maklumat mempunyai hubungan positif dengan faktor keagamaan dan beliau menjelaskan dengan keyakinan agama mereka akan memberi maklumat dalam penipuan yang kurang serius kerana nilai-nilai agama akan membentuk tingkah laku individu dalam mana-mana masyarakat. Manakala Lewis (2002) pula mendapati wujudnya perhubungan yang signifikan antara individu yang mempunyai pengetahuan agama dan kebahagiaan hidup.

Limitasi kajian ini adalah cuma melihat dua faktor sahaja dan responden terdiri dari satu bahagian sahaja. Sebagai panduan dan saranan, kajian ini mencadangkan supaya kajian lanjutan yang akan datang lebih memberikan kefahaman tentang pendedahan maklumat ini supaya warga badan penguatkuasa atau organisasi lebih terdedah dengan isu ini. Dengan adanya pendedahan maklumat ini mampu mencegah tindakan salah laku dalam kalangan badan penguatkuasa daripada bertambah dari semasa ke semasa. Cadangan bagi kajian lanjutan juga telah diusulkan di dalam kertas kerja ini bagi memastikan kajian ini berlanjutan dan keputusan yang lebih baik dapat diperolehi dan dapat membantu semua pihak untuk tujuan kebaikan bersama. Malahan pihak pengkaji berharap pada masa akan datang akan wujud lebih banyak lagi kajian seperti ini yang akan dijalankan untuk mendapatkan kefahaman dan kebolehpercayaan yang lebih kuat.

Rujukan

- Abidin, Z. Z. (2011). Hubungan Disiplin Anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) di Kawasan Lembah Klang dengan Faktor Agama, (November).
- Ahmad Khusairi Yahaya (2010). Kesedaran Rasuah Rendah. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri
- Akta, B., Pencegahan, Sprm, A. (2019). Apa itu Rasuah ? Gagal Melapor Anda Dilindungi, 25(3), 2009–2010.
- Anti, P., & Dan, R. (n.d.). POLISI ANTI RASUAH DAN.
- Ayop bin Megat Arifin, M., & Halim Ahmad, A. (2016). PERANAN WHISTLEBLOWING DALAM MENINGKATKAN INTEGRITI ANGGOTA POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM): KAJIAN KE ATAS KONTINJEN PERAK (Practice of Whistleblowing to improve Integrity in Royal Malaysian Police (Rmp): A Study on Contingent of Perak). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(1), 137–160.
- Bakar, S. bin. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran membanteras jenayah rasuah di kalangan pegawai tentera darat.
- Chiu, R. K. (2011). Ethical Intention: Role Judgment and Whistleblowing the Moderating Examining of Locus of Control. *Journal of Business Ethics*, 43(1), 65– 74.
- Chu, D. C., & Sung, H.-E. (2009). Racial differences in desistance on recovery. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 53(6), 696–716.
- Corcoran, J., & Nichols-Casebolt, A. (2004). Risk and resilience: Ecological framework for assessment and intervention. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21(3), 211–235.
- Dozier, J. B., & Miceli, M. P. (2011). Potential Predictors of Whistle-Blowing. A Prosocial Behavior Perspective. *Academy of Management Review*, 10(4), 823–836.
- Dr. Nur Azuki bin Yusuff. (2015). Isu Dan Permasalahan Hubungan Antara Agama Di Malaysia Kini Dan Jalan Penyelesaiannya. *Umk*, 1–13.
- Elias, R.(2008).Auditingsocialization andtheir students' professional commitment and anticipatory relationship to whistleblowing.. *Managerial Auditing Journal*, 23(3), 283–29.
- GOLDMAN, A. I. (2007). Experts: Which Ones Should You Trust? *Philosophy and Phenomenological Research*, 63(1), 85–110.
- Ismail, S. Z. (2008). Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan. *Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan*, 16(December), 537–554.
- Jesarati, A., Hemmati, A., Mohammadi, I., Jesarati, A., & Moshiri, R. (2013). 4The Relationship Between Religious Attitude , Social Relationship with Happiness of College Students, 6(10), 1451–1457.
- Johnson, R. A. (2005). Whistleblowing and the Police. *Rutgers Journal of Law and Urban Policy*, 1(3), 74–83.
- Keenan, J. P. (2000). Blowing the whistle on less serious forms of fraud: A study of executives and managers. *Employee Responsibilities and Rights Journal*, 12(4), 199–217.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining and psychological measurement. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Lewis, E. B., & Lewis, E. B. (2014). Edward B. Lewis 1918–2004.
- Maria, W. De. (1995). Zealand : who are they really, 1995(November), 270–281.
- Martin, D. E., & Martin, D. E. (2011). Whistle Blowing , Religiosity , Spirituality and Integrity: Understanding the Impact of Social Dominance Orientation and Environmental Context. *Journal Of Organizational Moral Psychology*, 2(3).
- Megat Ayop, M. A., & Abd. Halim, A. (2016). Konsep integriti dalam Organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM): Satu tinjauan awal The concept of integrity in the

- organization of Royal Malaysian Police : A preliminary study. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 135–147.
- MERDIKAWATI, R., & PRASTIWI, A. (2012). HUBUNGAN KOMITMEN PROFESI DAN SOSIALISASI ANTISIPATIF MAHASISWA AKUNTANSI DENGAN NIAT WHISTLEBLOWING(Studi Empiris pada Mahasiswa Strata 1 Jurusan Akuntansi Universitas Negeri Teratas di Jawa Tengah).
- Mohamad Fauzi (2001). Jenayah Rasuah Di Agensi Pengawas Undang-Undang Di Malaysia: Satu Analisis Persepsi Pegawai Awam Di Unit Pencegah Penyaludzpan Negeri Kelantan. Tesis Sarjana tidak diterbit, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mohd Rashidi Bujai, & Azmil Hashim. (2015). Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan Dan Hubungannya Dengan Penghayatan Kerohanian Anggota ATM. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 176–186.
- Moreno-weinert, I., Moore, E., Cohen, A., & Nakagawa, K. (2012). No Title, (May).
- Mustapha, M., & Siaw, L. S. (2012). Whistle Blowing : Perceptions of Future Accountants, 38.
- Nasir, R. A., Ahmad, S. S., Zain-Ahmed, A., & Ibrahim, N. (2015). Adapting Human Comfort in an Urban Area: The Role of Tree Shades Towards Urban Regeneration. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 170(January), 369–380.
- Neale, M. C., Myers, J. M., Hettema, J. M., Kendler, K. S., & Prescott, C. A. (2005). The Structure of Genetic and Environmental Risk Factors for Anxiety Disorders in Men and Women. *Archives of General Psychiatry*, 62(2), 182.
- Near, J. P., & Miceli, M. P. (1985). Organizational Dissidence: The case of whistle-blowing. *Journal of Business Ethics*, 4, 1–16.
- Norziah, O., Ameera, F., Raudhiah, B. (2018). ‘ Whistleblowing ’ dalam Kalangan Pelajar di Insititusi Pengajian Tinggi, (Iseb), 878–884.
- Noornazifah, M. S. (2008). Kajian Terhadap Stres Di Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Zon Permas Jaya , Johor Bahru Dari Aspek Personaliti, 5(March), 1689–1699.
- Nur Syakiran Akmal, I., & Md Zawawi, A. B. (1997). Rasuah? Katakan Tidak. *Fakulti Pengurusan Awam Dan Undang-Undang Md Zawawi Abu Bakar Fakulti Pembangunan Sumber Manusia Universiti Utara Malaysia*, 3(Pindaan 1971), 1– 15.
- Sachs, G. (2011). Successful businesses . Stronger economies . Expanded opportunities Sustainable communities . 101-150
- Scaturro, R. (2018). Defining Whistleblowing, (05).
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2016). Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2010*(Akta 711), 55423.
- Undang-undang, P. (2010). AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010.
- Utusan Melayu (M) Bhd. (2017) <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/tiga-lagi-anggota-tentera-ditahan-1.449073#ixzz5jRPJFLeo>
- Wallace, J., Brown, T., Bachman, J., & LaViest, T. (2003). Religion, race, abstinence from drug use among American adolescents, 7.
- Wan Nawang, W. M. Z., Sa'at, N. H., Ahmad, S., & Mamat, I. (2016). Kebaikan Pekerjaan Keusahawanan Sebagai Pengantara Antara Faktor-Faktor Peramal dan Kecenderungan Pelajar Menceburi Kerjaya Keusahawanan. *Sains Humanika*, 8(1).
- Wong-Mcdonald, A., & Gorsuch, R. L. (2018). Surrender to God: An Additional Coping Style? *Journal of Psychology and Theology*, 28(2), 149–161.
- Yusoff, M. Z. M. (2012). Faktor-faktor penyumbang dalam pertimbangan moral pelajar sekolah agama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 81–109.
- Yusuff, N. A., Tan, H. C., Fernandez, K., & Kurniawan, Y. (2016). Perpaduan berpaksikan titik kesamaan fungsi pelbagai agama dengan mengambilkira Islam sebagai agama

rasmi di Malaysia. *Persidangan Pemantapan CITRA Kenegaraan 4 (COSNA4)*
'Mencorak Masa Hadapan', 1–15.

Zulkifli, M. Y. (2004). Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu. *Universiti Utara Malaysia*, 1–14.